

**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA  
(Seksyen Peperiksaan, Persijilan dan Pengiktirafan, Bahagian Keselamatan Industri)**

**PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN ORANG BERTANGGUNGJAWAB  
KREN MENARA/ MESIN ANGKAT PENUMPANG / BARANG DAN GONDOLA  
(PERMOHONAN BARU)**

**1. PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah,  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,  
Aras 2, 3 & 4, Blok D3, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 Putrajaya.  
(u/p: Pengarah Bahagian Keselamatan Industri)  
Website: <http://www.dosh.gov.my>

dan disertakan bersama maklumat-maklumat berikut:

- a. Borang Pendaftaran Sebagai Orang Yang Bertanggungjawab Kren Menara/ Mesin Angkat Penumpang & Barang / Working Platform dan Gondola yang lengkap .
- b. Surat Permohonan Pendaftaran dan Pengesahan dari Syarikat/Majikan dengan menyatakan tempoh pengalaman atau tarikh mula terlibat dengan kerja-kerja Pemasangan, Penyelenggaraan dan perombakan.
- c. Salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan benar oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A.
- d. Salinan Sijil kelayakan akademik/pendidikan tertinggi .
- e. Salinan Sijil hadir kursus atau latihan yang berkaitan seperti berikut :-
  - i. Salinan sijil kehadiran Kursus Bekerja di Tempat Tinggi (Working At height).
  - ii. Salinan Sijil Kursus HIRARC/JSA.
  - iii. Sijil/Surat pengesahan telah menjalani kursus dalaman/pembekal sebagai pemasang, peyelenggara dan perombak Kren Menara, Mesin Angkat Penumpang & Barang atau Gondola.
  - iv. Sijil-Sijil Lain Berkaitan (Jika ada).
- f. Laporan perubatan dari pengamal perubatan yang berdaftar.

## **2. TEMUDUGA**

Setelah permohonan disemak dan syarat-syarat dipenuhi, satu sesi temuduga untuk Orang Yang Bertanggungjawab akan dijalankan oleh Seksyen Peperiksaan, Persijilan dan Pengiktirafan.

## **3. KEPUTUSAN PERMOHONAN**

Surat keputusan sama ada lulus atau gagal akan dikeluarkan dan dihantar kepada pemohon dalam tempoh 14 hari bekerja selepas tarikh temuduga.

Nota:

1. Jika keputusan gagal, pemohon boleh mengemukakan semula permohonan selepas tempoh enam (6) bulan dari surat keputusan dikeluarkan.
2. Keputusan permohonan dibuat berdasarkan kepada dokumen yang dihantar dan temuduga yang dijalankan.